

1979

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA) — MALAYSIA MASIH BELUM MENERIMA TAWARAN UNTUK MENYEWAKAN KAPAL-KAPAL GAS CECAIR ASLINYA SEMENTARA MENUNGGUKAN PELANCARAN PROJEK GAS TERSEBUT DI BINTULU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

LIMA BUAH KAPAL TANGKI SERUPA ITU BERHARGA \$2,000 JUTA DIPESAN UNTUK PROJEK TERSEBUT YANG DIJANGKA BERMULA DALAM TAHUN 1983. DUA BUAH DARI KAPAL ITU TELAH PUN DILANCARKAN, YANG KEDUANYA DI LEMBUNGAN KAPAL DUNKIRK, PERANCHIS KELMARIN.

MALAYSIA TELAH BERUSAHA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENYEWAKAN KAPAL-KAPAL TANGKI ITU, TETAPI SETAKAT INI BELUM ADA PENYEWANNYA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI SEKEMBALINYA DARI LAWATAN LIMA HARI KE KOREA UTARA.

LAPORAN PERNAH MENYEBUT BAHAWA INDONESIA MUNGKIN SANGGUP MENYEWAKAN KAPAL-KAPAL TANGKI ITU UNTUK MENGANGKUT GAS KE JEPUN, TETAPI DATUK SERI DR. MAHATHIR NAMPAKNYA KURANG OPTIMIS TENTANG TERCAPAINYA SEBARANG PERSETUJUAN MENGENAI PERKARA ITU.

— BERSAMBUNG 1730/AZ

66

1587:

MAHATHIR-PULANG 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA SELAGI KAPAL-KAPAL TANGKI ITU TIDAK DISEWAKAN, TERPAKSALAH KAPAL-KAPAL ITU TERBIAR SEGITU SAHAJA SEMENTARA MENUNGGUKAN PELANCARAN PROJEK BINTULU ITU.

+KAPAL-KAPAL ITU TIDAK BOLEH DIGUNAKAN BAGI TUJUAN LAIN,+ KATANYA. +KITA TIDAK BOLEH MENGGUNAKANNYA UNTUK MENGANGKUT MINYAK, MALAH AIR SEKALIPUN TIDAK BOLEH.+

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK TELAH MEMBERIKAN JAMINAN UNTUK BEKERJASAMA BAGI MEMPASTIKAN KEKURANGAN DIESEL TIDAK BERLAKU.

KATANYA BELIAU MENYEDARI BAHAWA MEREKA TIDAK BEGITU GEMBIRA DENGAN KENAIKAN HARGA DIESEL SEPerti YANG DIBENARKAN OLEH KERAJAAN DAN JUGA DENGAN PENGHAPUSAN HARGA DUA PERINGKAT BAGI BAHAN TERSEBUT.

+INI KITA FAHAM KERANA SETIAP ORANG MAHUKAN KEUNTUNGAN YANG SEBANYAK MUNGKIN TETAPI BAGAIMANAPUN MEREKA TELAH MEMBERIKAN JAMINAN UNTUK BEKERJASAMA,+ TAMBAHNYA. —

MAHATHIR-PULANG 3 KUALA LUMPUR

BELIAU TIDAK PERCAYA YANG SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK AKAN MENGURANGKAN PENGELUARAN DIESEL DISEDAPKAN TIDAK PUAS HATI MEREKA.

MENJAWAB PERTANYAAN MENGENAI KESELAMATAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA AKAN MEMBANTU THAILAND JIKA NEGARA ITU MENGHADAPI SEBARANG PENCEROBOHAN YANG BOLEH MENJEJASKAN KESELAMATAN MALAYSIA.

TETAPI, TEGASNYA, MALAYSIA TIDAK AKAN CAMPURTANGAN BERHUBUNG DENGAN PERKARA-PERKARA DALAM NEGERI.

MENYENTUH TENTANG LAWATANNYA KE KOREA UTARA BELIAU BERKATA ADA KEMUNGKINAN YANG MALAYSIA AKAN MENAMPAH IMPORT BESI DARI NEGARA ITU.

BEPERAPA BUAH SYARIKAT NEGARA INI TELAH PUN MENGIMPORT BESI DARI KOREA UTARA DAN BELIAU MENJANGKA IMPORT BAHAN TERSEBUT AKAN MENINGKAT, MUNGKIN DENGAN PERNAS MEMAINKAN PERANAN UTAMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHUKAN PERNAS MENGENDALIKAN +IMPORT-IMPORT BERAT+, TERMASUK BESI DAN JENTERA, SEMENTARA SEKTOR SWASTA DIBIARKAN DENGAN BARANG-BARANG KONSUMER. — BERSAMBUNG

1740/AZ

EE

B5921

MAHATHIR-PULANG 4 KUALA LUMPUR

KATANYA BELIAU TELAH MENCADANGKAN KOREA UTARA MEMBUKA PUSAT PERDAGANGAN DI SINI UNTUK MEMPAMERKAN JENIS-JENIS BARANG YANG BOLEH DITAWARKANNYA.

TAMBAHNYA MALAYSIA BOLEH MENJUAL BARANGAN UTAMANYA DAN BARANG-BARANG KILANG DAN SEPARUH KILANG KEPADA KOREA UTARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU JUGA TELAH BERUNDING DENGAN PRESIDEN KIM IL SUNG MENGENAI PERKARA-PERKARA SEPERTI PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN UNCTAD.

KETIKA DALAM PENERBANGAN KE KUALA LUMPUR, BELIAU TELAH SINGGAH SELAMA LIMA JAM DI PEKING DI MANA DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIRAIKAN DI SATU MAJLIS MAKAN TENGAH HARI OLEH NAIB MENTERI LUAR CHINA, HAN NAI LONG. -- BERNAMA 1742/AZ